



- 1 Unit ekonomi X menghadapi masalah kekurangan modal berbanding kehendak yang pelbagai.
Pilihan bagi X ialah
 A barang yang dapat menguntungkan isi rumah ✗
 B output yang minimum kos pengeluaran pengeluar
 C projek pembangunan yang menguntungkan rakyat
 D keluaran yang memaksimumkan kepuasan pelanggan
- 2 Antara yang berikut, yang manakah betul tentang usahawan?
 I Berbeza tahap kecekapan berkaitan pembuatan produk
 II Menyelaraskankan pelbagai faktor bagi penghasilan output
 III Bersedia hadapi ketidakpastian daripada perubahan pasaran
 IV Menyumbang tenaga kerja dalam proses pengeluaran barang
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 3 Rajah 1 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran sebuah firma.



- Pernyataan yang manakah betul tentang perubahan kombinasi tersebut?
- A Berlaku kos lepas sebanyak 40 unit komputer dan 2 unit TV
 B Pertambahan 1 unit TV berlaku pengurangan 20 unit komputer
 C Lebihan sumber membolehkan tambahan 2 unit TV dan 30 unit komputer
 D Ketidakcekapan kombinasi W kerana hasilkan 70 unit komputer dan 2 unit TV

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

- 4 Antara yang berikut, yang manakah merupakan persamaan antara sistem ekonomi sosialis dengan sistem ekonomi campuran?
- Harga ditentukan melalui mekanisme harga
 - Pengeluaran barang awam untuk masyarakat
 - Motif pengeluaran untuk meningkatkan kesejahteraan
 - Keputusan ekonomi mengambil kira pandangan pengguna
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- 5 Penyelesaian kepada masalah corak agihan barang dalam sistem ekonomi kapitalis berdasarkan
- kuasa beli masyarakat
 - jumlah permintaan barang
 - mekanisme harga dalam pasaran
 - kecekapan dalam teknik pengeluaran
- 6 Rajah 2 menunjukkan keluk permintaan bagi suatu barang.



Pernyataan yang manakah betul tentang rajah di atas?

- Berlaku pertambahan permintaan di pasaran
- Disebabkan kejatuhan harga barang pengganti
- Kuasa beli merosot kesan perubahan pendapatan
- Menyebabkan wujudnya pengembangan permintaan

7 Maklumat berikut menunjukkan hubungan antara barang **F** dengan barang **G**.

Barang F	Barang G
Harga berubah daripada RM10 ke RM12	Jumlah permintaan berubah daripada 900 unit ke 800 unit

Pernyataan yang manakah betul tentang hubungan di antara dua barang tersebut?

- A Tujuan barang **G** untuk melengkapi fungsi barang **F**
- B Jenis barang **G** adalah barang pengganti kepada barang **F**
- C Penggunaan barang **F** memberi kepuasan sama dengan barang **G**
- D Hubungan positif antara harga barang **F** dengan kuantiti diminta barang **G**

[Lihat halaman sebelah
SULI]

8 Pilih pasangan yang betul.

	Rajah	Keterangan
A	<p>Harga (RM)</p> <p>Diagram A shows a vertical axis labeled "Harga (RM)" and a horizontal axis labeled "Kuantiti (unit)". A supply curve labeled "S" slopes upwards from left to right. A second supply curve labeled "S'" is parallel to "S" and shifted upwards. Two vertical dashed lines are drawn from the intersection points of "S" and "S'" with the vertical axis at prices P_0 and P_1, and with the horizontal axis at quantities Q_0 and Q_1. Arrows indicate the shift from S to S' and the movement along the curves from (Q_0, P_0) to (Q_1, P_1).</p>	Peningkatan harga dari P_0 ke P_1 mewujudkan perubahan penawaran Q_0Q_1 di pasaran
B	<p>Harga (RM)</p> <p>Diagram B shows a vertical axis labeled "Harga (RM)" and a horizontal axis labeled "Kuantiti (unit)". A supply curve labeled "S" slopes upwards from left to right. A second supply curve labeled "S'" is parallel to "S" and shifted downwards. Two vertical dashed lines are drawn from the intersection points of "S" and "S'" with the vertical axis at prices P_0 and P_1, and with the horizontal axis at quantities Q_1 and Q_0. Arrows indicate the shift from S to S' and the movement along the curves from (Q_1, P_1) to (Q_0, P_0).</p>	Perubahan harga dari P_0 ke P_1 dengan pengembangan penawaran dari Q_0 ke Q_1
C	<p>Harga (RM)</p> <p>Diagram C shows a vertical axis labeled "Harga (RM)" and a horizontal axis labeled "Kuantiti (unit)". Two parallel supply curves are shown, labeled "S₀" and "S₁", where "S₁" is shifted upwards from "S₀". Two vertical dashed lines are drawn from the intersection points of "S₀" and "S₁" with the vertical axis at price P_0, and with the horizontal axis at quantities Q_1 and Q_0. Arrows indicate the shift from S_0 to S_1 and the movement along the curves from (Q_1, P_0) to (Q_0, P_0).</p>	Peralihan keluk S_0 ke S_1 disebabkan oleh pertambahan harga bahan mentah dalam pasaran
D	<p>Harga (RM)</p> <p>Diagram D shows a vertical axis labeled "Harga (RM)" and a horizontal axis labeled "Kuantiti (unit)". Two parallel supply curves are shown, labeled "S₀" and "S₁", where "S₁" is shifted downwards from "S₀". Two vertical dashed lines are drawn from the intersection points of "S₀" and "S₁" with the vertical axis at price P_0, and with the horizontal axis at quantities Q_0 and Q_1. Arrows indicate the shift from S_0 to S_1 and the movement along the curves from (Q_0, P_0) to (Q_1, P_0).</p>	Perubahan dari Q_0 ke Q_1 menunjukkan hubungan langsung antara harga dengan kuantiti ditawarkan

[Lihat halaman sebelah
SULIT]


- 9 Jadual 1 menunjukkan harga dan perubahan kuantiti penawaran daripada bulan Januari ke bulan Jun.

Harga (RM)	Kuantiti penawaran (unit)	
	Januari	Jun
RM40	240	300

Jadual 1

Apakah faktor yang menyebabkan perubahan tersebut?

- A Motif firma kuasai pasaran
 B Harga bahan mentah mahal
 C Kadar duti eksais meningkat
 D Jangkaan harga masa depan naik
- 10 Rajah 3 menunjukkan perubahan keseimbangan pasaran bagi barang X.




Pasangan yang manakah betul tentang rajah di atas?

Butiran	Keterangan
A D_0 ke D_1	Wujud lebihan permintaan pasaran sejumlah 160 unit
B E_0 ke E_1	Berlaku peningkatan dalam harga barang itu sebanyak RM30
C RM20 ke RM30	Kenaikan RM10 harga keseimbangan ditentukan oleh kuasa pasaran
D 100 unit ke 140 unit	Pertambahan kuantiti 40 unit kesan perkembangan tingkat teknologi

[Lihat halaman sebelah
 SULIT]

11 Rajah 4 menunjukkan perubahan harga dan kuantiti barang M.




Pernyataan yang manakah betul tentang barang tersebut?

- A Penurunan harga 1.5% menyebabkan kuantiti diminta meningkat sebanyak 1.0%
- B Sikap pengguna lebih responsif terhadap perubahan harga
- C Mempunyai sedikit barang pengganti dalam pasaran
- D Nilai pekali keanjalan adalah melebihi daripada 1

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

- 12 Rajah 5 menunjukkan perubahan harga dan kuantiti ditawar bagi barang Z.



Rajah 5

Berapakah nilai pekali keanjalan harga penawaran barang tersebut?

- A 0.33
- B 0.44
- C 2.25
- D 3.00

- 13 Antara yang berikut, yang manakah merupakan fungsi bank pusat sebagai pengawal kestabilan nilai mata wang?

- I Mengawal jumlah edaran untuk kegiatan urusniaga
 - II Menetap kadar pertukaran berbanding dolar Amerika
 - III Menetap sandaran minimum dalam bentuk rizab emas
 - IV Mengawal tekanan inflasi kesan lebihan permintaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 14 Contoh pekerjaan yang manakah tergolong dalam sektor ketiga?

- A Pengait buah kelapa sawit
- B Pengurus syarikat peladangan sawit
- C Penyelia loji memproses isirong sawit
- D Pemborong minyak masak cap pokok sawit

15 Apakah faedah sampingan dalam pemilihan pekerjaan?

- A Suasana pejabat yang berhawa dingin
- B Kemudahan pengangkutan ke tempat kerja
- C Ganjaran atas pencapaian target pengeluaran
- D Peluang kenaikan pangkat dalam kerjaya

16 Gambar 1 menunjukkan satu kaedah pembayaran dalam ekonomi.



Gambar 1

Apakah kelebihan kaedah pembayaran di atas?

- A Meringankan beban kewangan bulanan
- B Menggalakkan berbelanja secara berhemah
- C Merancang pembelian barang sebelum pembayaran
- D Menikmati barang mewah melalui bayaran pendahuluan

17 Pilih pasangan yang **betul**.

	Pendapatan Produktif	Keterangan
A	Upah	Terimaan kerana menggabungkan buruh dan modal dalam pengeluaran
B	Sewa	Pulangan apabila memberi hak penggunaan kepada orang lain
C	Untung	Ganjaran atas menyumbangkan mental dalam proses pengeluaran
D	Faedah	Pendapatan daripada senahagian keuntungan dari pemegang saham syarikat

[Lihat halaman sebelah
SULIT

18 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan individu sebagai ketua isi rumah.

Ketua isi rumah perlu bijak rancang kewangan.
Dr. Azman Abdullah, Pensyarah Kanan UMK


Apakah tujuan tindakan tersebut?

- A Memudah pembelian barang mewah secara kredit
- B Menyelaras pendapatan berdasarkan perbelanjaan
- C Memenuhi barang kehendak ahli keluarga
- D Mengelak kenaikan harga dalam pasaran

19 Pilihan yang manakah **betul** tentang tahap kecairan bagi setiap pelaburan berikut?

	Simpanan Tetap	Hartanah	Logam Berharga
A	Tinggi	Rendah	Rendah
B	Rendah	Tinggi	Tinggi
C	Tinggi	Rendah	Tinggi
D	Rendah	Tinggi	Rendah

20 Gambar 2 menunjukkan input yang digunakan dalam proses pengeluaran.



Gambar 2

Pasangan yang manakah betul tentang input di atas?


	Input	Keterangan
A	X	Berhubung secara langsung dengan tingkat output
B	X	Bayaran yang terlibat dikenali sebagai kos tetap
C	Y	Beroperasi walaupun pengeluaran belum bermula
D	Y	Boleh ditambah dengan mudah dalam jangka panjang

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

21 Pernyataan yang manakah betul tentang keluaran purata?

- A Pertambahan dalam output akibat pertambahan seunit input berubah
- B Kuantiti yang bergantung kepada gabungan input berubah dan input tetap
- C Keluaran yang dihasilkan oleh seunit input berubah dalam pengeluaran
- D Perubahan dalam output kesan daripada perubahan penggunaan input

22 Info grafik menunjukkan jumlah kos dan keluaran bagi Syarikat Padu Berhad.



Berapakah kos marginal apabila syarikat meningkatkan pengeluaran tersebut?

- A RM4.00
- B RM8.33
- C RM25.00
- D RM33.33

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

23 Faedah sosial ialah

- A ganjaran kepada pengusaha daripada penghasilan output
- B pulangan dinikmati pekerja daripada penggunaan barang
- C kebijakan dinikmati rakyat daripada hasil cukai oleh kerajaan
- D manfaat kepada masyarakat daripada aktiviti sosioekonomi

24 Pilih pasangan yang **betul** tentang peranan kerajaan dalam negara.

	Kawal Selia	Keterangan
I	Pengeluar	Melaksanakan dasar harga maksimum untuk kebijakan pengguna
II	Pengeluar	Menggalakkan penggunaan teknologi hijau dalam pengeluaran
III	Eksternaliti Negatif	Mengisytiharkan senarai barang kawalan dalam pasaran
IV	Eksternaliti Negatif	Menetapkan zon perindustrian di kawasan yang diwartakan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

25 Apakah yang menyebabkan berlakunya inflasi tarikan permintaan?

- A Nilai ringgit di pasaran melambung tinggi
- B Bekalan wang dalam edaran meningkat
- C Produk import menjadi lebih mahal
- D Kenaikan harga bahan mentah

26 Penyataan yang manakah **betul** tentang perbelanjaan pembangunan kerajaan?

- A Merupakan perbelanjaan semasa
- B Bersifat berulang-ulang setiap tahun
- C Meningkat pembentukan modal fizikal
- D Bertujuan melancarkan sistem pentadbiran

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

27 Maklumat berikut adalah hasil dan perbelanjaan kerajaan dalam Belanjawan 2023.

Kutipan hasil	: RM291.5 bilion
Jumlah perbelanjaan	: RM388.1 bilion

Pernyataan yang manakah betul tentang bajet tersebut?

- A Melaksanakan belanjawan lebih
- B Merupakan dasar fiskal mengembang
- C Mengawal tekanan inflasi dalam negara
- D Mengurang jumlah permintaan aggregat

28 Pasangan yang manakah **betul** tentang alat dasar kewangan untuk mengawal inflasi.

Alat Dasar Kewangan	Keterangan
A Menjual surat jaminan kerajaan	Menambahkan bekalan wang dalam pasaran
B Meningkatkan kadar faedah pinjaman	Meningkatkan jumlah pinjaman pengguna
C Menaikkan nisbah rizab berkanun	Meningkatkan keupayaan bank memberi pinjaman
D Mengetatkan syarat sewa beli	Menambahkan deposit pinjaman dalam pembelian kredit

29 Apakah jenis sekatan yang dapat meningkatkan hasil kerajaan.

- A Tarif
- B Kouta
- C Subsidi
- D Embargo

30 Antara yang berikut, yang manakah merupakan objektif kewujudan blok ekonomi?

- I Mewujudkan tarif dalam perdagangan
 - II Membawa persaingan dengan budaya tempatan
 - III Mobiliti modal dan tenaga kerja berkembang pesat
 - IV Perkongsian bahan mentah antara negara anggota
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

SULIT

31 Maklumat berikut berkaitan komposisi eksport dan aktiviti dagangan bagi Malaysia.

Komposisi Eksport	K	Eksport Nampak
	L	Eksport Tak Nampak

Aktiviti Dagangan	I	Pelancong China melawat Melaka sempena Tahun Melawat Malaysia
	II	Sime Darby Plantation memindahkan keuntungan operasi kilang sawit di Sumatera ke Kuala Lumpur
	III	Pegawai perubatan dari Selangor berkhidmat sebagai doktor pakar di Zulekha Hospital Dubai
	IV	Petronas Carigali Berhad membekalkan petroleum mentah kepada Fuji Oil Jepun

Pasangan yang manakah **betul**?

- A K dan I
- B K dan II
- C L dan III
- D L dan IV

32 Situasi yang manakah akan mewujudkan penawaran Ringgit Malaysia?

- A Universiti tempatan menerima kemasukan pelajar baharu dari Brunei
- B Nippon Denso Jepun membina kilang alat ganti kenderaan di Bangi
- C Korea Selatan mendapat bekalan minyak mentah dari Terengganu
- D Pemain hoki pasukan Telekom menjalani latihan di Pakistan

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

- 33 Maklumat berikut menunjukkan kegiatan urusniaga perdagangan antarabangsa Jepun ke Malaysia.

Aktiviti	Keterangan
1	Membekal peralatan mesin dan jentera kepada syarikat pelaburan di Petaling Jaya.
2	Penghantaran alatan tersebut menggunakan kapal kargo milik MISC Berhad

Pasangan yang **betul** tentang aktiviti urusniaga di atas?

	Aktiviti	Keterangan
A	1	Permintaan bagi Ringgit Malaysia meningkat
B	1	Eksport barang nampak negara bertambah
C	2	Aliran keluar mata wang tempatan tinggi
D	2	Jumlah Yen yang ditawarkan semakin banyak

- 34 Pasangan yang manakah **betul** tentang perubahan nilai Ringgit Malaysia (RM) kesan kepada dagangan negara.

	Nilai RM	Keterangan
A	Naik	Lebih banyak wang diperlukan untuk seunit mata wang asing
B	Naik	Harga barang tempatan mahal di pasaran luar negara
C	Turun	Permintaan ke atas produk eksport akan berkurangan
D	Turun	Imbangan dagangan negara cenderung negatif

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

Soalan 35 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 35 I Isi rumah membuat pilihan kerana menghadapi masalah kekurangan pendapatan.
 II Pilihan yang dibuat adalah bermatlamat untuk memaksimumkan kebajikan keluarga.
- 36 I Ketidakseimbangan pasaran berlaku apabila kuantiti permintaan melebihi kuantiti penawaran dalam pasaran.
 II Ketidakseimbangan ini menyebabkan harga barang di pasaran cenderung naik.
- 37 I Pelaburan merujuk kepada kesediaan menggunakan wang pada masa sekarang untuk mendapat pulang pada masa depan.
 II Pulangan pelaburan berhubung secara negatif dengan tahap risiko yang ditanggung.
- 38 I Pengeluaran merupakan proses menghasilkan output melalui penggabungan sejumlah input tertentu.
 II Penghasilkan output dapat ditingkatkan dengan menambah bilangan mesin dalam jangka pendek.
- 39 I Dasar harga maksimum ialah tindakan kerajaan menetapkan harga pasaran lebih tinggi daripada harga keseimbangan.
 II Pelaksanaan dasar harga maksimum adalah bertujuan untuk menjaga kebajikan pengguna dalam pasaran.
- 40 I Belanjawan lebihan wujud apabila perbelanjaan kerajaan melebihi hasil yang dipungut dalam tahun kewangan tertentu.
 II Pelaksanaan belanjawan lebihan bertujuan untuk mengawal tekanan inflasi dalam negara.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT